

Rakan Muda UPM

takluk 3 puncak gunung

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

SERAMAI 30 peserta Sekretariat Rakan Muda Universiti Putra Malaysia (UPM) menakluk tiga puncak gunung menerusi ekspedisi empat hari tiga malam di sempadan Perak dan Kelantan, baru-baru ini.

Pengarah Program XPDC Gunung Yorig Yap-Bubu-Tok Nenek, Mohd Hafizuddin Hasromi, berkata peserta bukan saja berjaya menakluki puncak Gunung Yong Yap, Gunung Bubu dan Gunung Tok Nenek, tetapi turut membersihkan 10 kawasan perkhemahan sepanjang trek pendakian.

Aktiviti sampingan itu, katanya, sejajar objektif ekspedisi untuk mewujudkan etika dan semangat cintakan alam sekitar serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemulihan dan pemeliharaan hutan

secara terancang.

"Ekspedisi ini agak sukar kerana sebelum menawan Gunung Yong Yap yang mempunyai ketinggian 2,167 meter atau 7,110 kaki, peserta perlu melalui Gunung Bubu setinggi 6,475 kaki dan Gunung Tok Nenek membabitkan ketinggian 6,248 kaki.

"Antara lain, trek ini memerlukan peserta merentasi kira-kira 40 anak sungai, melalui jalan balak yang panjang dan perjalanan satu jam melalui rimbunan pokok buluh yang adakala memerlukan peserta merangkak melepasi. Keadaan cuaca yang baik membantu kami mengharungi cabaran dengan lancar," katanya.

Mohd Hafizuddin berkata, walaupun peserta teruja menikmati pemandangan semula jadi yang cantik sepanjang pendakian, timbul kekesalan apabila mendapati masih ada tabiat buruk pendaki yang meninggalkan sampah

sarap di hutan.

Katanya, hal itu terbukti dengan jumlah sampah yang banyak dikutip peserta ketika menjalankan tanggungjawab menjaga alam sekitar untuk terus dinikmati generasi akan datang.



PESERTA Rakan Muda UPM berehat di tepian sungai.



PESERTA ekspedisi Gunung Tok Yap bergambar kenangan.



PESERTA ekspedisi berada di puncak gunung yang berjaya di daki.